



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

**6 MENDAKI
PUNCAK**

NORSHAHZURA MAT ZUKI, MARLIA ZAKARIA Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Warisi perniagaan ibu

Atikah Songket jadi kebanggaan Noriah

Pencinta songket pastinya mengenali jenama ini yang menawarkan pelbagai jenis dan corak songket asli hasil kerja tangan atau tenunan penduduk tempatan.

Pengurus Besar Ateeqah Songket Sdn Bhd, Noriah Ashari berkata, dia sedia berkorban apa sahaja terutamanya kepada arwah ibu tercinta, Atikah Mohamad yang amat memerlukan kudratnya dalam menguruskan perniagaan songket sejak 30 tahun lalu.

Berkongsi lanjut, Noriah memberitahu, dia mengambil keputusan berhenti kerja di Jabatan Akauntan Negara Terengganu pada 1986 kerana mahu membantu ibunya yang gigih menjalankan perniagaan songket sejak 1960an.

"Keputusan tersebut tepat pada masanya. Bermula daripada detik itu, saya menyayangi perniagaan songket yang diusahakan ibu kerana ia perniagaan warisan keluarga.

"Menggagas tugas membantu ibu bukanlah membebankan kerana niat saya mahu berbakti kepadanya. Saya juga antara peneman setia ibu ke mana sahaja dan terdedah dengan perniagaan songket sejak kanak-kanak," katanya yang masih ingat songket ibunya pernah

dipakai bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein. Kini, ia menjadi pilihan syarikat korporat seperti perbankan dan syarikat penerbangan.

Sebelum fokus perniagaan songket, Noriah terlebih dahulu berjinak-jinak dengan perniagaan tersebut untuk membantu ibunya secara sambilan sahaja kerana mempunyai komitmen sebagai pelajar.

"Ketika saya masih belajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, saya mula menjual songket kepada rakan-rakan dan abang-abang yang akan menyertai majlis konvokesyen. Selepas setahun di Shah Alam, saya mengambil pengajian luar kampus untuk fokus kepada perniagaan songket selama setahun di kampung halaman.

"Ibu tidak halang keputusan itu, asalkan saya bijak membahagikan masa antara berniaga dan belajar. Selepas tamat pengajian, saya bekerja dengan menyertai Skim Siswazah Sambilan di Jabatan Akauntan Negara, Terengganu," katanya.

RM300,000 buka butik sendiri

Noriah berkata, pada 1988, dia berkahwin dengan suaminya, Ku Yahya Ku Ahmad. Beberapa tahun kemudian, dia mengikuti suami dan berpindah ke Kuala Lumpur menyebabkan dia terpaksa meninggalkan Terengganu.

"Saya tidak betah duduk diam dan saya mengambil keputusan meneruskan perniagaan songket di Kuala Lumpur dengan menjalankan perniagaan dari rumah sahaja.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

6 MENDAKI PUNCAK

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima di luar jangkaan kerana bukan sahaja pelanggan tetap yang membeli songket malah jumlah pembeli semakin bertambah dari tahun ke tahun. Saya berniaga pelbagai jenis songket tenunan tangan untuk majlis

rasmi, pakaian perkahwinan, majlis korporat dan sebagainya," katanya. Selain

yang terdiri daripada pelbagai golongan iaitu daripada orang biasa hingga kenamaan," katanya yang melaburkan RM300,000 untuk memiliki butik sendiri dengan meletakkan semua jenis produk yang diniagakan.

Terima permintaan tinggi

Keistimewaan songket keluaran Atikah Songket ialah tenunan songket itu sendiri yang menggunakan tiga lembar benang emas bersama dua lembar kapas.

Noriah berkata, corak songket Atikah Songket yang mendapat permintaan tinggi ialah corak tradisional iaitu potong wajik, tampuk manggis, pecah lapan, tapuk kesemak dan bunga bintang. Bagaimanapun bagi bakal mempelai, songket bercorak potong wajik dan bunga durian menjadi pilihan berbanding corak moden yang berasaskan tumbuh-tumbuhan.

Tambahnya, ilmu tenunan songket memerlukan

seseorang mempelajari selok-belok penghasilannya dari awal kerana teknik tenunan merupakan aspek penting untuk menghasilkan songket biasa atau eksklusif.

"Tempoh tenunan songket menarik dan eksklusif memerlukan masa selama enam bulan manakala songket biasa hanya dua minggu hingga tiga bulan sahaja untuk disiapkan.

"Ciri-ciri khusus yang perlu ada pada tenunan songket terdiri daripada tiga bahagian iaitu kepada, badan dan kaki.

menjual songket di rumah, Noriah juga menyertai pelbagai persidangan dan menjual pusat membeli-belah setiap Ramadan sepanjang 10 tahun untuk memudahkan pelanggan melihat dan merasai sendiri material yang digunakan.

"Setelah 10 tahun berniaga songket di rumah, saya mengambil keputusan menyewa butik di TTDI, Kuala Lumpur pada 2003.

"Keputusan tersebut dibuat kerana mahu memberikan keselesaan kepada pelanggan



BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Songket yang terbaik hasil daripada teknik tenunan, corak dan warna asas serta bunga yang digunakan,” katanya.

Selain dijadikan pakaian, songket juga sudah dikomersialkan dengan menghasilkan barangan untuk dijadikan sebagai hiasan rumah, cenderamata dan pakaian moden kontemporari.

Cabaran dihadapi memotivasikan diri

Noriah mengakui, pelbagai cabaran terpaksa dilalui dalam memperkenalkan dan memajukan Atikah Songket.

“Walaupun banyak songket yang berada di pasaran menggunakan mesin dan diimport, saya masih menjual songket hasil tenunan tradisional dan asli. Saya menggunakan lapan langkah iaitu mewarna benang, menerai, menganing, menggulung, menyapuk, mengarat, menyongket, menekat dan menenun.

“Kami menggunakan tenunan tangan 100 peratus dan saya akui penjualan songket import beri kesan jualan 30 peratus. Namun, saya bersyukur kerana Atikah Songket menjadi pilihan kerana tidak cepat pudar dan mampu mengekalkan warna sehingga 30 tahun,” katanya.

Selain masalah lambakan songket import, Noriah juga berdepan dengan masalah gagal menyiapkan songket seperti yang dijanjikan.

“Ia terjadi apabila songket yang ditenun bertukar tangan dan menghasilkan tenunan yang berbeza corak dan saiz.

“Cabaran lain ialah pada musim tengkujuh kualiti songket yang dihasilkan tidak cantik antaranya benang akan kecut dan tenunan tidak lancar. Saya

juga pernah ditipu kerana terlalu mempercayai pembeli songket puluhan ribu ringgit,” katanya.

Bagaimanapun katanya, setiap masalah yang dihadapi memberikan pengajaran kepadanya untuk terus memajukan perniagaan yang dianggap sebagai bayi kecilnya.

Jujur dalam perniagaan

Berpegang teguh kepada kejujuran, Noriah sentiasa mempraktikkannya untuk mendapatkan keberkatan dalam perniagaannya.

“Sebagai generasi kelima menguruskan Atikah Songket, saya bertanggungjawab meneruskan perniagaan keluarga ini dengan apa yang dipegang selama ini,” katanya.

Selain jujur, Noriah adalah seorang yang tidak berputus asa dan sentiasa positif dalam perniagaannya dan tidak mahu menjadi peniru kepada rekaan orang lain.

“Corak songket dan batik yang dihasilkan adalah idea saya sendiri kerana mahu menghasilkan lain daripada yang lain. Setiap songket yang dihasilkan hanya mempunyai tiga pilihan warna sahaja dan corak yang sama kerana ia sangat eksklusif,” katanya yang menjual songket serendah RM500 sehingga RM20,000.

Noriah berkata, sebagai seorang yang sentiasa mahu memartabatkan songket, dia mahu masyarakat di negara ini mempunyai sedikit ilmu mengenai songket supaya tidak ditipu peniaga yang mahu mengambil kesempatan.

“Ada di kalangan pembeli datang ke sini terkesima apabila dimaklumkan songket yang diimport tetapi dijual dengan harga yang mahal.



Noriah bersama produk yang dihasilkan berasaskan songket.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

"Songket tempatan dan diimport dilihat sama namun hasilnya berbeza dari segi kehalusan tenunan hasil daripada buatan tangan dan mesin," katanya.

Ibu kepada tiga cahaya mata ini merancang untuk membesarkan perniagaannya.

"Saya tidak mahu menambah bilangan cawangan Atikah Songket tetapi saya mahu menempatkan Atikah Songket, Ateeqah Selendang Sutera dan kafe di bawah satu bumbung yang sama.

"Kafe tersebut akan memperkenalkan makanan tradisi Terengganu. Ia akan direalisasikan dalam lima tahun akan datang," katanya.



Noriah menunjukkan demo menenun di Butik Atikah's Songket yang terletak di TTDI Kuala Lumpur.



Noriah menunjukkan songket diinovasikan menjadi kasut, beg tangan dan



Noriah membincangkan sesuatu bersama suaminya, Ku Yahya memberikan sokongan dalam perniagaannya.



Selain menjual songket, Atikah's Songket menjual batik.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

